

# Standard khas eksport sarang burung

**KUALA LUMPUR 17 Nov.** - Prosedur atau standard khas untuk pengeksporan produk sarang burung walet ke China dijangka siap dalam tempoh enam bulan lagi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, standard itu penting bagi membolehkan pengeksporan sarang burung walet dapat dilakukan secara terus ke China.

“Standard khas itu mampu mengelakkan produk itu ditolak pasaran China berikutan terdapat kandungan yang tidak selamat untuk manusia seperti yang berlaku empat tahun

lepas.

“Oleh itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan produk sarang burung walet memenuhi 35 syarat yang ditetapkan China sebelum produk itu dihantar ke sana,” katanya ketika menjawab soalan **Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong)** berkenaan langkah kerajaan untuk memastikan eksport sarang burung walet ke China selamat di Dewan Rakyat hari ini.



**AHMAD SHABERY**

Sementara itu, Ahmad Shabery berkata, pengusaha sarang burung walet juga tidak digalakkan memproses sendiri komoditi itu kerana kerja-kerja pembersihannya rumit serta syarat ketat yang dikenakan China.

“Setakat ini, memproses sendiri komoditi itu adalah sesuatu yang tidak digalakkan kerana ia satu kerja yang rumit dan memerlukan tempat khas seperti kilang-kilang yang diiktiraf di negara mereka,” katanya.